

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang
Sidang Akademik 2004/2005

Mei 2005

HMT 329 - Analisis Kontrastif Bahasa-Bahasa di Malaysia

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi LIMA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab mana-mana EMPAT soalan.

1. Berdasarkan data bahasa Jawa yang dituturkan di Johor dan Selangor, dan bahasa Melayu standard yang berikut, buatlah satu perbandingan linguistik:
- [a] asing-asingkan serta senaraikan morfem terikat dan morfem bebasnya;
 - [b] senaraikan struktur frasa dan struktur ayatnya.

Bahasa Jawa	Bahasa Melayu
[i] Deweqe nuku opo? dia membeli apa 'Dia membeli apa?'	[i] Dia membeli apa?
[ii] Deweqe tuku tape. dia beli tapai 'Dia membeli tapai.'	[ii] Dia beli tapai!
[iii] Kowe demen omah gedhi? awak suka rumah besar 'Sukakah awak rumah besar?'	[iii] Sukakah awak rumah besar?
[iv] Mbakyu ngolek ayam jago. kakak mencari ayam jantan 'Kakak mencari ayam jantan.'	[iv] Kakak mencari ayam jantan.
[v] Golek-i ayame! cari-partikel ayam -nya 'Carilah ayam itu.'	[v] Cari ayamnya!
[vi] Omah-e neng endi? rumah -punya di mana 'Di manakah rumahnya?'	[vi] Di manakah rumahnya?

[100 markah]

2. Jawab [a] DAN [b]:
- [a] Dengan menggunakan data daripada bahasa-bahasa Austronesia, nyatakan antara langkah-langkah yang dapat diambil dalam menentukan kekerabatan bahasa.
 - [b] Dengan menggunakan data daripada beberapa bahasa Austronesia di bawah, huraikan tentang kekerabatannya:

...3/-

Jawa	Tagalog	Bahasa Melayu	makna
pari	palay	padi	'padi'
irung	ilog	hidung	'hidung'
rah	dugo	darah	'darah'
lara	dalaga	dara	'sakit'
wiwi	bibig	bibir	'bibir'
paga	pala	para	'para'
toh	tago	taruh	'taruh, bubuh'
suruh	sugo	suruh	'suruh'
rat	dagat	darat	'darat'
bot	bigat	berat	'berat'

(Sumber data: C.A. Mees (1967). *Ilmu Perbandingan Bahasa2 Austronesia*, ms. 28-29.)

[100 markah]

3. Jawab [a] DAN [b]:

[a] Teliti data bahasa-bahasa yang diberi di bawah dan jawab soalan-soalan berikut:

A. Senaraikan semua morfem-morfem berserta maknanya sekali.

Bahasa Cina (Hokien)	Bahasa Melayu	Bahasa Tamil
[i] cit leh singse satu orang guru 'seorang guru.'	seorang guru. satu guru	Oru aaciriyar
[ii] cit kee pit. satu batang pen 'Sebatang pena.'	Sebatang pen.	Oru penaa. satu pen 'sebatang pen.'
[iii] Sa pun cek. tiga buah buku	Sebuah buku	munu puttahan-gal tiga buku jamak

B. Bezakan [a] pola frasa dan [b] pola ayat-ayat:

Bahasa Cina (Mandarin)	Bahasa Melayu	Bahasa Tamil
[i] Wo shi laoshi. Saya ialah guru 'Saya guru.'	Saya guru.	Naan aaciriyar. saya guru
[ii] wo de che. saya punya kereta 'Saya punya kereta.'	kereta saya	en kadi saya punya kereta
[iii] Xi Sin jia po. pergi Singapura '...pergi ke Singapura.'	ke Singapura.	Singapur-uku poonaan. Singapur-ke pergi '...pergi ke Singapura.'
[iv] tsu tsia. di pokok bawah 'di bawah pokok'	bawah pokok	maram-il kile' pokok –dalam bawah 'di bawah pokok'
[v] Dia che fun dia makan nasi 'Dia makan nasi.'	Dia makan nasi.	Avan sorai cappitaan. dia nasi makan. 'Dia makan nasi.'

[100 markah]

4. Dengan menggunakan contoh-contoh daripada mana-mana DUA bahasa di Malaysia yang anda ketahui, huraikan perbezaan dan persamaan proses morfologi mengikut tajuk-tajuk berikut:

Pengimbuhan
Pergandaan
Pemajmukan
Perubahan kosong
Suplesi
Perubahan dalam.

[100 markah]

5. Jawab [a] DAN [b]:

[a] Dengan contoh-contoh yang sesuai, huraikan maksud sesuatu bahasa itu mempunyai urutan berikut:

SVO (Subjek-Kata Kerja-Objek),
SOV (Subjek-Objek-Kata Kerja),
VSO (Kata kerja-Subjek-Objek).

...5/-

- [b] Dengan contoh-contoh daripada bahasa-bahasa di Malaysia, bezakan bahasa aglutinatif, bahasa berfleksi dan bahasa isolasi.

[100 markah]